



## Makna Semantik Perkataan 'Basara' dan Sinonimnya dalam Kamus Lisan Al-Arab oleh Ibn Manzur

### Semantic Meaning for the Word 'Basara' and Its Synonyms in Lisan al-Arab by Ibn Manzur

Norfarhana Ahmad Ghafar<sup>1,\*</sup>, Hishomudin Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Major Language Studies, Islamic Science University of Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding Author; E-mail: [norfarhana@usim.edu.my](mailto:norfarhana@usim.edu.my)

#### Article Info

##### Article history:

Received: 03/03/2023

Accepted: 27/10/2023

Published: 30/10/2023

##### DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiya.a39>

#### ABSTRAK

Sinonim merupakan salah satu cabang dalam Teori Medan Makna yang membahaskan tentang beberapa perkataan yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama. Terdapat beberapa kajian berkaitan sinonim dalam kajian semantik sama ada dari aspek perbandingan dua bahasa, pening-katan kosa kata dalam pembelajaran bahasa, dan analisa berkomputer. Namun, kajian berkaitan si-nonim dalam sesuatu bahasa kurang ditekankan, khususnya bahasa Arab yang kaya dengan perkataan sinonim. Kajian ini membincangkan tentang makna perkataan basara dan sinonimnya, iaitu raa, syahada, nazara dan lahaza. Kajian ini menggunakan data sekunder, iaitu kamus Lisan Al-Arab karangan Ibn Manzur dalam membuat perbandingan makna antara perkataan tersebut. Ia melibatkan dua fasa kajian, iaitu: enam langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clark (2006) dalam kaedah analisa kandungan, dan kajian perbandingan persamaan dan perbezaan yang memfokuskan kepada tiga makna utama secara hirarki. Hasil kajian menunjukkan terdapat persamaan makna di antara perkataan basara dan sinonimnya kerana ia mempunyai lima makna berpusat. Walaupun bagaimanapun setiap perkataan tersebut berbeza antara satu sama lain kerana ia mempunyai makna sampingan yang dapat diketahui melalui konteks ayat yang dibina.

**Kata Kunci:** linguistik, semantik, teori medan makna, sinonim, bahasa Arab

## ABSTRACT

Synonym, one of the sub fields in the Semantic Field Theory, is a study on words with the same meaning. Though there are many studies conducted on synonyms in comparative linguistics between two languages, vocabulary acquisition and computational analysis, the study on synonymy in one language has not extensively been explored, especially in the Arabic language which is rich with synonyms. The present study aimed to analyse the word of 'basara' and its synonyms; raa, syahada, nazara and lahaza. Using secondary data source, Lisan Al-Arab Dictionary written by Ibn Manzur, this study compared the meanings of these words. It involved two stages, which were analysing the data using six steps suggested by Braun and Clark (2006) in content analysis, and comparative study on similarities and differences on three hierarchical meanings. The result shows that the word 'basara' and its synonyms had similarities in five focussed meanings, while each of these words had their own contextual meanings. The study proves that the context of sentences will determine the definite meaning of synonyms despite being grouped under the same meaning.

**Keywords :** *linguistics, semantics, semantic field theory, synonym, Arabic language*

## PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa dalam keluarga bahasa semitik. Ia mempunyai keunikannya tersendiri, dan salah satunya adalah kaya dengan kosa kata. Kamus Lisan Arab yang dikarang pada kurun ke-7 mempunyai 80,000 entri perkataan (Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad, 2009). Setiap perkataan itu boleh menghasilkan pelbagai kata terbitan mengikut sistem morfologi yang kompleks. Di samping itu bahasa Arab juga kaya dengan sinonim (Vinet & Zhedanov, 2010). Sebagai contoh, terdapat 52 perkataan bagi menggambarkan makna kegelapan malam, 34 perkataan untuk hujan, 16 perkataan untuk bulan, 21 perkataan untuk cahaya, 164 perkataan untuk makna pendek, dan 91 perkataan untuk makna tinggi, dan 50 perkataan untuk awan (Shah, 2008). Oleh itu, kekayaan kosa kata bahasa Arab memerlukan penelitian agar dapat memberikan makna perkataan secara tepat. Perkataan-perkataan ini sukar diungkapkan dalam bahasa yang lain (Azhar Muhammad, 2005).

Secara umumnya, kajian sedia ada berkaitan sinonim memfokuskan kepada tiga aspek utama, iaitu: perbandingan sinonim dua bahasa seperti kajian yang dilakukan oleh Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir (2014) dan Nurulhayati Zulfadinamis & Che Ibrahim Salleh (2015). Selain itu, kajian tentang sinonim juga berkait rapat dengan cara penguasaan bahasa dalam mempertingkatkan kosa kata. Ia banyak diaplikasikan dalam bahasa Inggeris seperti kajian Inkpen & Hirst, (2006), Muller, Hathout, & Gaume (2006), Clark & Hannon (2007), Jamil Qasim Hameed (2013) dan Bagha (2011). Sementara kajian yang memfokuskan penyisihan kata kerja

“melihat” dalam bahasa telah dilakukan oleh oleh Baharudin, Jalaluddin, & Ho-Abdullah (2013) dengan menggunakan perisian framenet. Namun, kajian berkaitan sinonim dalam sesuatu bahasa kurang ditekankan, khususnya bahasa Arab yang kaya dengan perkataan sinonim.

Artikel ini menumpukan analisis entri “basara” berserta perkataan sinonimnya dalam kamus Lisan al-Arab tulisan Ibn Manzur. Pada permulaan kajian, pengkaji menerangkan tentang asas teori medan makna, seterusnya sinonim yang merupakan salah satu hubungan perkataan dalam teori tersebut. Sebelum menganalisa data, pengkaji akan mengenalpasti subjek kajian dengan mengenalpasti sinonim untuk perkataan basara. Pengkaji kemudiannya menganalisa makna perkataan-perkataan tersebut dengan mengklafikasinya kepada beberapa kumpulan-kumpulan makna yang dibina oleh pengkaji sendiri.

## TEORI MEDAN MAKNA

Teori Medan Makna yang diasaskan oleh Jost Trier sekitar tahun 1931 dengan membahagikan dan membandingkan aspek-aspek intelektual kepada beberapa medan makna bagi masyarakat German pada ketika itu (Geeraerts, 2009). Teori ini muncul apabila Trier mendapati terdapat perubahan pada bahasa masyarakat Jerman sekitar tahun 1200 dan 1300. Pada awal kajian, beliau membahagikan medan makna ini telah dibahagikan kepada dua, iaitu: *kunst* yang bermaksud kebangsawanan, dan *list* yang bermaksud bukan bangsawan. Kemudian Trier mendapati medan makna tersebut boleh dibahagikan kepada medan yang ketiga, iaitu *Weisheit*. Ia merupakan medan yang menggabungkan perkataan yang sama melalui hipernim. Kesemua medan tersebut kemudiannya terangkum dalam satu kumpulan yang lebih besar, iaitu: Struktur Medan Intelektual (Gliozzo & Stapparava, 2009).

Di antara contoh yang sering digunakan dalam teori ini adalah medan makna warna. Terdapat banyak perkataan yang tergolong dalam medan warna seperti hijau, merah, kuning, biru, hitam, kelabu, jingga, putih, oren dan sebagainya. Kata-kata ini berada dalam satu medan makna kerana semuanya merujuk kepada warna.

Dalam teori ini, hubungan antara perkataan seperti ialah sinonim, antonim, polisemi hiponim, hipernim, meronim, dan holonim merupakan dimensi utama dalam kajian para sarjana. Sinonim merupakan dua perkataan yang mempunyai makna yang sama, seperti perkataan kata kerja sejuk dan dingin. Antonim pula ditakrifkan sebagai dua perkataan yang berlawanan makna, seperti hidup dan mati. Polisemi pula satu perkataan yang mempunyai banyak makna seperti pokok yang mempunyai makna, seperti perkataan bekas yang bererti benda untuk menyimpan sesuatu atau kesan yang ditinggalkan oleh sesuatu. Hiponim merupakan satu gugusan perkataan yang maknanya terangkum dalam makna kata lain, seperti perkataan basikal, motosikal, kereta, bas, lori dan keretapi tergolong dalam satu gugusan kenderaan, manakala hipernim pula merupakan makna am yang meliputi gugusan perkataan tersebut yang lebih dikenali sebagai superordinat. Meronim ditakrifkan sebagai konstituen kepada

sesuatu bahagian seperti dinding ialah sebahagian daripada rumah. Holonim pula merupakan bahagian yang lebih besar yang disusun oleh meronim.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa medan makna mengandungi kata kunci yang mengelilingi satu kata kunci tertentu sebagai pusatnya yang dinamakan fokus. Kata kunci ialah sejumlah perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi fikiran konsepsi masyarakat tentang kewujudan, alam realiti dan kehidupan mereka.

## SEBAB SINONIM DAN JENISNYA

Sinonim merupakan salah satu hubungan antara perkataan dalam Teori Medan Makna. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) sinonim ialah perkataan yang sama atau hampir sama maknanya dengan perkataan lain, tetapi berbeza nilai rasa dan penggunaannya. Penggunaan yang berbeza ini bergantung kepada konteks. Contohnya seperti penggunaan perkataan panas dan hangat. Kedua-dua perkataan ini mempunyai makna yang sama tetapi tidak boleh diletakkan dalam satu konteks yang sama. Contoh ayat yang tepat ialah cuaca pada hari ini panas, manakala ayat cuaca pada hari ini hangat adalah tidak tepat. (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2014)

Dalam bahasa Arab, sinonim disebut sebagai ترادف (taraduf). Para sarjana Arab yang membincangkan tentang sinonim terbahagi kepada dua golongan, iaitu: (1) golongan sarjana yang menyokong wujudnya sinonim dan (2) golongan sarjana yang menafikan kewujudan sinonim. al-Asmai, Sibawayh dan Imam Fakhruddin al-Razi termasuk dalam golongan pertama. Mereka menyokong wujudnya sinonim dalam bahasa Arab dengan meletakkan pengertian sinonim ialah perkataan yang satu menunjukkan sesuatu yang sama. Daripada pengertian yang diletakkan kita dapat memahami bahawa sinonim berlaku apabila dua perkataan yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama, dengan syarat penyatuan itu memberi satu makna, bukan dua. Sementara, ibn Faris, Tha'lab, Ibn Darastawayh menafikan kewujudan sinonim dalam bahasa Arab (Abdul Salim Mukrim, 1999).

Secara umumnya sinonim dibahagikan kepada dua jenis iaitu, sinonim dekat (near synonyms) dan sinonim mutlak (absolute synonym). Sinonim mutlak tidak berlaku dalam semua bahasa dan ianya hampir mustahil untuk berlaku. Menurut Lyons, sinonim mutlak terjadi apabila adanya batas kultural (cultural bound) dalam masyarakat pengguna bahasa itu. Lyons juga meletakkan syarat untuk sinonim mutlak iaitu:

- a. Makna kedua perkataan adalah sama;
- b. Sinonim untuk kedua-dua perkataan sama dalam semua konteks;
- c. Kedua-dua perkataan mempunyai persamaan yang sangat rapat secara semantik.

Sebagai contoh di dalam Bahasa Inggeris, "big" bersinonim dengan "large" kerana memenuhi syarat (a), tetapi kedua-dua perkataan berbeza dari segi konteks "his big brother" dan "his large brother" kerana memiliki perbezaan makna. Namun,

tidak pada "the big house" dan "the large house" kerana keduanya dapat saling menggantikan tanpa mengubah makna asal-nya.

Begitu juga keadaan sinonim di dalam bahasa Melayu yang mempunyai kosa kata yang mempunyai makna yang sinonim, tetapi perkataan-perkataan yang dikatakan mempunyai makna yang sinonim atau sama ini sebahagiannya tidaklah mempunyai makna yang benar-benar serupa. Sebagai contoh, menyepak dan menendang biasanya boleh digunakan secara bertukar ganti, tetapi tidak menerajang. Kita boleh menendang, menyepak atau menerajang tembok, iaitu menghasilkan pukulan dengan menggunakan kaki, tetapi penutur bahasa Melayu tidak akan mengatakan Ali menerajang bola itu ke dalam gol. Walaupun perkataan sepak dan terajang dapat dikatakan dua perkataan yang sinonim, tetapi tahap kesinonimannya bukanlah sinonim mutlak (Zulkifley Hamid, 2015).

Cruse menjadikan sinonim mempunyai tiga jenis iaitu sinonim proposisional (propositional synonym) sebagai leksem yang dapat menggantikan ungkapan dengan ciri-ciri kebenaran kondisional (truth-conditional properties) tanpa memberi kesan pada ciri-ciri itu. Sinonim ini berlaku dalam situasi percakapan (colloquial-formal dimension), medan wacana (field of discourse), dan makna ekspresif (expressive meaning).

Lazimnya, sinonim berlaku disebabkan oleh faktor-faktor yang wujud dalam kehidupan sebuah masyarakat (Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir, 2014). Ini kerana sinonim kerap berlaku disebabkan oleh perbezaan dialek antara kawasan, keadaan sosial sesuatu kelompok dan sebagainya. Antara sebab terjadinya sinonim:

(1) Perbezaan dialek

Sebagai contoh dalam bahasa Melayu, orang pantai timur seringkali menyebut buah mempelam sebagai buah pauh (Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, & Rahim Aman, 2015). Perbezaan dialek juga berlaku di dalam bahasa Inggeris. Contoh perbezaan dialek ialah perkataan 'bus' (American English) bersinonim dengan 'coach' (British English). Begitu juga dengan perkataan 'biscuit' (British English) dan 'cookie' (American English).

(2) Situasi penggunaan/ kolokasi (sosiolinguistik)

Apabila dikaji dengan lebih rapi, maka didapati juga ada perkataan sama makna ini terdiri daripada perkataan yang dipinjam daripada dialek Melayu sendiri. Perkataan 'batas' adalah timbunan tanah yang menjadi sempadan petak-petak sawah, tetapi perkataan 'batas' bermakna jalan raya dalam dialek Kedah. Perkara seperti ini berlaku semata-mata kerana penutur daripada dialek bahasa Melayu yang berlainan menggunakan perkataan yang berlainan untuk makna yang sama, tetapi masih dapat difahami oleh penutur bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 2013).

(3) Pinjaman daripada bahasa asing

Di dalam bahasa Melayu, terdapat sejumlah besar kosa kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Pasangan perkataan seperti kereta dan motokar,

ekonomi dan iktisad, politik dan siasah, buku dan kitab, merupakan contoh perkataan yang dipinjam daripada bahasa asing iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

(4) Kelas sosial/ laras sosial

Sinonim juga boleh wujud kerana adanya laras sosial yang berbeza. Kita mengubah laras bahasa kita berdasarkan konteks sosial yang berlainan. Sebagai contoh, kita mengetahui ada perkataan seperti wafat, mangkat, mati, kojol, kejang dan kerpus. Semuanya membawa maksud yang sama iaitu mati, tetapi wafat digunakan untuk nabi, mangkat untuk raja, mati untuk orang biasa, dan kojol, kejang dan kerpus bagi menyatakan makna yang sama dengan bahasa yang kasar (Abdullah Hassan, 2013). Begitu juga dengan perkataan sakit dan gering. Keduanya membawa maksud tidak sihat, tetapi sakit sering digunakan oleh orang kebanyakan, manakala gering hanya digunakan untuk golongan bangsawan.

(5) Penggunaan majaz atau metafora

Dalam bahasa Melayu, penggunaan perkataan secara majazi disebut sebagai metafora. Metafora tergolong dalam salah satu unsur gaya kiasan dan digunakan dengan meluas dalam bidang sastera untuk mengindahkan bahasa (Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir, 2014). Walau bagaimanapun, perkataan metafora atau perkataan-perkataan yang lahir daripada bahasa kiasan ini tidak digunakan dalam kamus-kamus Melayu atau tesaurus untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan. Dengan kata lain, walaupun penggunaan gaya bahasa kiasan turut menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu, namun keluasan penggunaannya tidak mengangkatnya sebagai kata sinonim kepada sesuatu ucapan yang hakiki. Tokoh-tokoh bahasa Melayu juga tidak meletakkan penggunaan metafora sebagai salah satu faktor yang mewujudkan kata sinonim. Sebaliknya, dalam bahasa Arab, penggunaan ucapan majazi yang meluas dalam kalangan masyarakat Arab hampir meletakkannya setaraf dengan ucapan hakiki sehingga sesetengah ungkapan majaz turut dijadikan kata sinonim bagi perkataan hakiki.

(6) Perubahan sebutan

Dalam bahasa Melayu, persoalan yang sering timbul berkaitan fenomena ini ialah perbezaan sistem fonologi dalam kalangan masyarakat Melayu ketika menyebut sesuatu perkataan. Persoalan ini timbul kerana wujudnya kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu. Dalam dialek-dialek Melayu Sarawak umpamanya, perkataan yang berakhir dengan vokal 'a' terbuka akan ditambah dengan huruf 'k'. Sebagai contoh, juga menjadi jugak, gila menjadi gilak dan gula menjadi gulak. Dalam bahasa Arab, fenomena perubahan sebutan wujud dengan meluas melalui proses al-ibdal dan al-qalb. Oleh itu, timbul banyak perkataan baru yang sememangnya berasal daripada perkataan yang sama.

### (7) Penggunaan kata sifat

Dalam bahasa Melayu, penggunaan kata sifat ke atas objek-objek tertentu adalah terhad. Sesuatu objek dikenali berdasarkan sifatnya apabila tidak ada satu nama khusus yang menunjukkan kepadanya. Kebanyakan objek yang menggunakan kata sifat ini dimulakan dengan imbuhan 'pe'. Contohnya perkataan penyangkut kain, pendingin hawa dan pemadam papan hitam. Dalam bahasa Arab, pemakaian kata sifat amat meluas. Boleh dikatakan kebanyakan kata sinonim bagi perkataan-perkataan Arab berasal daripada kata sifat. Contohnya perkataan المنزل (rumah) mempunyai beberapa kata sinonim berdasarkan sifat yang dimilikinya seperti الدار المسكن, البيت. Ringkasnya, dalam bahasa Arab, kata sifat diambil menjadi kata sinonim bagi kata nama yang sedia ada bagi menambah bilangan kosa kata dalam bahasa mereka, sedangkan dalam bahasa Melayu, kata sifat diambil sebagai kata nama bagi sesuatu objek kerana tidak ada satu perkataan yang khusus untuk menunjukkan kepada objek tersebut (Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir, 2014).

## PERKATAAN 'BASARA' DAN SINONIMNYA

'Basara' merupakan kata kerja bahasa Arab dan ia seerti dengan kata kerja "melihat" dalam bahasa Melayu. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) perkataan "lihat" membawa maksud nampak apabila memandang. Perbuatan melihat, secara amnya mempunyai hubungan dengan kehidupan seharian manusia. Penglihatan yang dimaksudkan bukan hanya tertumpu kepada penglihatan secara zahir sahaja malah meliputi penglihatan dengan mata hati. Penglihatan juga amat berkait dengan pembelajaran. Kepercayaan dan pengetahuan kita terhadap sesuatu amat berkait rapat dengan cara penglihatan kita. (Berger, n.d.)

Dalam bahasa Arab, perkataan Basara (بصر) mempunyai empat perkataan sinonim, di mana basara membawa makna melihat. Sementara itu, nazara (نظر) membawa makna memandang, syahida (شهد) membawa makna melihat yang akan membawa kepada suatu penyaksian, ra'a (رأى) membawa makna nampak dan lahaza (لاحظ) membawa makna melihat dengan mata yang tajam atau memerhati. Kesemua perkataan ini melibatkan pancaindera mata, namun ia mempunyai perbezaan makna dalam konteks ayat yang digunakan.

Dalam al-Quran perkataan basara menggunakan banyak perkataan lain dalam bentuk sinonim untuk menggambarkan deria penglihatan dan antaranya albasr, raa dan al-nazr. Setiap perkataan ini dilihat mempunyai persamaan dan perbezaan dari aspek makna. Contoh persamaan dapat dilihat pada makna setiap perkataan merujuk kepada deria penglihatan, iaitu penglihatan menggunakan mata dan juga berfikir. Sementara perbezaan antara perkataan ini dapat dilihat berdasarkan pengembangan makna setiap perkataan. Perkataan basara misalnya berkembang maknanya menjadi pandangan hati dan pemikiran serta pemahaman, sedangkan raa dan al-nazr berkembang menjadi pemikiran (Kadar M. Yusuf, 2013).



## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam menganalisa data sekunder iaitu daripada Kamus Lisan Al-Arab karangan Ibn Manzur (1990) cetakan keempat terbitan Dar Sader. Pengkaji juga akan membuat analisa perbandingan antara perkataan basara dan sinonimnya, iaitu raa, syahada, nazara dan lahaza. Untuk memastikan data ini dianalisa dengan baik, pengkaji akan mengikut langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis mengikut tema ialah mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan keadaan (tema) dalam data yang dikaji. Ianya turut mengkaji dengan lebih mendalam dengan menyentuh pelbagai aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian. Gambarajah 1 menunjukkan 6 langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006):



**Rajah 1.** Enam langkah analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006)

Perkataan 'basara' dan sinonimnya sebagai sampel kajian ini telah dikeluarkan merujuk kepada kamus sinonim dalam bahasa Arab terlebih dahulu. Makna setiap perkataan dianalisa mengikut makna yang terdapat dalam kamus Lisan al-Arab. Setiap makna dikeluarkan kemudian diteliti dan dibahagikan mengikut kumpulan yang dibina sendiri oleh pengkaji.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga dimensi makna bagi perkataan lihat dalam bahasa Arab, iaitu basara, nazara, syahida, ra'a dan lahaza dalam Lisan al-Arab. Dimensi pertama merangkumi sepuluh makna, iaitu: mata atau perkara yang boleh dilihat dengan panca indera penglihatan, kebolehan melihat dengan mata hati, sesuatu benda atau perkara yang menarik perhatian, tempat, kepercayaan, perbuatan melewati-lewatkan sesuatu perkara, perbuatan yang menunjukkan kebodohan, satu perkhabaran, binatang, perkara-perkara yang melibatkan jin. Sementara dimensi kedua meliputi dua hubungan perkataan dalam teori medan makna, iaitu meronim (بالكل الجزء علاقة) dan hiponim (الاشتغال), manakala dimensi ketiga adalah



perkembangan yang berlaku dalam penggunaan perkataan, atau lebih dikenali dengan etimologi seperti dalam jadual 1.

**Jadual 1.** Senarai Makna basara dan Sinonimnya berdasarkan Kamus Lisan Al- Arab

| كلمة/امعن    | بصر               | رأى                 | نظر                  | شهد                    | حظ                |
|--------------|-------------------|---------------------|----------------------|------------------------|-------------------|
| احسني        | 1) العني          | 1) ابغني            | 1) حس العني          | 1) الشهيد الذي ال يغيب | 1) نظره مبوخر     |
|              | 2) حاسة الرؤية    | 2) النظر ابغني      | 2) نظر العني         | عن علمه                | عينه من أي        |
|              | 3) حس العني       | 3) رؤية العني 4     | الشيء ابغني          | شيء                    | جانبه             |
|              |                   | يقع البصر عليه      | 4) مشاهدة            | املعينة ابغني حت صار   | 2) النظرة من      |
|              |                   |                     | 5) تقابل             | علما ليكون             | جانب الأذن        |
|              |                   |                     | 6) حمامية            | بعده شهيدا على ما      | 3) مؤخر العني مما |
|              |                   | 7) (نظر ابل) ابغني  | رأاه                 |                        | يلي الصدغ         |
|              |                   |                     |                      | 2) سألته الشهادة       | 4) شق العني مما   |
|              |                   |                     |                      | 3) احلاضر              | يلي الصدغ         |
|              |                   |                     |                      | 4) البيان              | 5) نظريه          |
|              |                   |                     |                      | 5) الإيضاح             | 6) النظر بشق      |
|              |                   |                     |                      | ( الشهيد لأشياء        | العني البت يلي    |
|              |                   |                     |                      | الظاهرة                | الصدغ             |
| املعوي       | 1) القلب          | 1) النظر ابقلب 2    | 1) نظر القلب 2       | 1) الشاهد العامل       | -                 |
|              | 2) نظره وخطره     | من رأي القلب        | الفكر يف الشيء تقدره | الذي يابغي ما          |                   |
|              | 3) العامل         |                     | وتقيسه               | عان مة                 |                   |
|              | 4) التأمل والتعرف |                     | منك                  | 2) اخبري؛ وانا         |                   |
|              | 5) التعريف        |                     | 3) (نظر يف المر) أن  | أنخيف بلى المونر       |                   |
|              | والإيضاح          |                     | يكون تفكرا           | الباطنة                |                   |
|              |                   |                     | فيه وتدبرا           | فأوا نهي               |                   |
|              |                   |                     | ابلقلب               | 3) احلف                |                   |
| ما بلغت العي | 1) اللغات         | 1) حسن املنظر يف    | 1) طليعتهم 2         | 1) العسل               | أشد التفات من     |
|              | 2) الدم           | البهاء واجلمال      | منظر الرجل إذا       | 2) دم احليض            | الشزر             |
|              | 3) دم البكر       | 2) املنظر؛ حسنا كان | نظرت إليه            | 3) الغراس              |                   |
|              | 4) الغلظة         | أو فيما             | فأعجبك               |                        |                   |
|              | 5) احلجارة الرخو  | 3) الدم القليل      | 3) يعجب الناظر       |                        |                   |
|              | احلمراء           | 4) بقية حيض امرأة 5 | إليه                 |                        |                   |
|              |                   | البت ينظر فيها      |                      |                        |                   |

|                   |  |                        |                         |                    |                  |           |
|-------------------|--|------------------------|-------------------------|--------------------|------------------|-----------|
|                   |  | 6) الأرض الطيبة        |                         | 6) الثوب الفاخر    |                  |           |
|                   |  | احلمراء                |                         | الذي ينشر لأري     |                  |           |
|                   |  | 7) الدرع وكل ما        |                         | حسنه               |                  |           |
|                   |  | لبس من جنة             |                         |                    |                  |           |
|                   |  | 8) الرأس               |                         |                    |                  |           |
| البعد املكان      |  | 1) تنظر إليه من        | 1) منتهى البصر حيث      | 1) موضع يف رأس     | 1) منظر          | 1) الفناء |
|                   |  | بعد                    | نراهم                   | جبل فيه رقيب       | 2) اسم موضع      |           |
| 2) اسم مكان       |  | 2) اسم أرض             | 3) املاينة البيت بناها  | ينظر العدو         |                  |           |
| (بصرة)            |  | 3) املاينة البيت بناها | املعصم                  | حيرسه              | 2) اسم موضع      |           |
|                   |  | 4) اجملع من الناس      | (نواظر)                 |                    |                  |           |
|                   |  | 5) الملوطن البيت       | 3) جبل معروف            |                    |                  |           |
|                   |  | جبنمعون بها            |                         |                    |                  |           |
| البعد العنقادي    |  | 1) عقيدة القلب         | 1) العقاد               | 1) الرمحة          | 1) إقامة الشهادة | -         |
| 2) خرج من الكفر   |  | 2) الشاهد:             | التيب                   | 2) الإحسان والرمحة | 2) التشهد        | بف        |
| بل بصرية البيان   |  | صلى هلا عليه           | والعطف                  | الصالة             |                  |           |
| 3) القرآن         |  | وسلم                   | 3) فراسة                | 3) املا للكة       |                  |           |
| 4) الشاهد         |  | 3) مشهود:              | يوم                     | 4) الأنبياء        |                  |           |
| 5) الشهيد         |  | القيامة                |                         |                    |                  |           |
| 6) الصالة         |  |                        |                         |                    |                  |           |
| عائلة اجزاء ابلكل |  | -                      | 1) الرنة البيت يف اجلوف | 1) النقطة السوداء  |                  |           |
|                   |  |                        |                         | الصاقية البيت يف   |                  |           |
|                   |  |                        |                         | وسط سواد           |                  |           |
|                   |  |                        |                         | الغني              |                  |           |
|                   |  |                        |                         | 2) امقلة السواد    |                  |           |
|                   |  |                        |                         | الصغير الذي        |                  |           |
|                   |  |                        |                         | فيه إنسان الغني    |                  |           |
|                   |  |                        |                         | 3) النقطة السوداء  |                  |           |
|                   |  |                        |                         | يف الغني           |                  |           |
|                   |  |                        |                         | 4) عرقان يف جمرى   |                  |           |
|                   |  |                        |                         | الدمع على          |                  |           |
|                   |  |                        |                         | الأنف من           |                  |           |
|                   |  |                        |                         | جانبه              |                  |           |

|               |                                                                |                                                                              |                                                                                     |                                                 |                 |
|---------------|----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-----------------|
| الشمال (نوع)  | 1) نظرا بتحديث<br>شديد 2) المحمة<br>البلعجة                    | -                                                                            | 1) المحمة البلعجة                                                                   | -                                               | -               |
| التأجيل       | -                                                              | -                                                                            | 1) التأخري يف المر 2)<br>التأخري والمهال<br>3) أخره<br>4) الانتظار<br>5) توقع الشيء | -                                               | -               |
| التفويض       | -                                                              | 1) الظن                                                                      | 1) عيب                                                                              | -                                               | -               |
|               | 2) فسح عنه من<br>خفاقة<br>3) السحر<br>4) احلمافة<br>5) املختال |                                                                              |                                                                                     |                                                 |                 |
| الخراب        | -                                                              | 1) الاستخبار<br>2) اشتكى<br>3) استشارة<br>4) التنبري 5)<br>رأى بعضهم بعضا    | 1) امثلل يف كل<br>شيء 2)<br>الشباه بعضها ببعض يف<br>الطول                           | -                                               | -               |
| احليوان       | 1) الكلب                                                       | 1) أرأت الناقة والشاة من<br>املعز والضأن<br>2) أرأت العنز وال<br>تقول للنعجة | انفة جنيبة من نتاج<br>النظار                                                        | -                                               | 1) مأسدة بتهامة |
| ما تتعلق اجلن | -                                                              | 1) اجلن يراه الإنسان 2)<br>شيء من اجلن                                       | إصابة عني من<br>نظر اجلن<br>2) عني اجلن<br>4) الغريق                                | 1) -<br>2) ذات اجلنب<br>3) املبطون<br>4) الغريق | -               |
| التطور الدال  | -                                                              | -                                                                            | 1) اهليئة<br>2) احلافظ<br>6) احطريق<br>7) صاحب اهلام                                | 5) املقتول يف سبيل<br>هلا                       | -               |

Merujuk kepada jadual 1, kelima-lima perkataan itu mempunyai persamaan dan perbezaan makna antara satu sama lain. Ia disebabkan penggunaan perkataan dalam konteks ayat yang digunakan oleh orang Arab pada zaman Jahiliyyah sehingga zaman Ibn Manzur. Ini kerana kamus Lisan al-Arab mengumpul semua maklumat yang terdapat dalam kamus-kamus yang terdahulu di samping mengaitkan penggunaan perkataan dengan al-Quran dan al-Hadis serta bait-bait daripada syair Arab.

Walau bagaimanapun, dalam artikel ini pengkaji hanya akan menumpukan kepada tiga makna yang pertama daripada senarai ini, iaitu; merangkumi anggota penglihatan atau perkara yang boleh dilihat dengan panca indera penglihatan, penglihatan maknawi yang dapat diketahui secara mata hati, perkara yang menarik pandangan mata kerana terdapat unsur hirarki makna pada ketiga-tiga makna tersebut.

Dalam jadual 2, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan pada kelima-lima perkataan ini. Kesemua perkataan mempunyai dua maksud yang utama, iaitu anggota penglihatan serta perkara yang boleh dilihat dengan panca indera penglihatan, dan kebolehan melihat dengan mata hati. Persamaan maksud ini membuktikan bahawa kelima-lima perkataan itu terangkum dalam satu paksi makna yang sama.

**Jadual 2.** Makna basara dan sinonimnya secara tersurat

| <b>Perkataan/<br/>Makna</b> | <b><i>basara</i></b>       | <b><i>raa</i></b>             | <b><i>nazara</i></b>                       | <b><i>syahada</i></b>                    | <b><i>lahaza</i></b>                                           |
|-----------------------------|----------------------------|-------------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| Makna teras secara tersurat | 1. pancaindera mata        | 1. menggunakan mata           | 1. deria mata                              | 1. meminta seseorang untuk menjadi saksi | 1. memerhati dengan hujung mata                                |
|                             | 2. deria penglihatan       | 2. memandang menggunakan mata | 2. melihat dengan mata                     | 2. hadir untuk menjadi saksi             | 2. memerhati dengan hujung mata yang berdekatan dengan pelipis |
|                             | 3. kebolehan untuk melihat | 3. melihat dengan mata        | 3. membuat sesuatu dengan menggunakan mata | 3. penerangan                            | 3. memandang sekilas pandang dengan menjeling                  |

|  |                                   |                                                                                                                                                     |               |
|--|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
|  | 4. matanya terarah kepada sesuatu | 4. pemerhatian atau penyaksian<br>5. pertemuan atau perjumpaan<br>6. yang berhadapan atau yang bersemuka<br>7. nazara + ila dengan menggunakan mata | 4. penjelasan |
|--|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|

Jadual 2 menunjukkan bahawa perkataan basara merujuk kepada mata, deria penglihatan dan pancaindera mata. Ini dapat dibuktikan melalui contoh berikut: **البصر** **الرؤية حاسة** dan **العين حس البصر**. Perkataan raa pula membawa maksud melihat menggunakan mata, memandang menggunakan mata, melihat dengan mata dan matanya terarah kepada sesuatu, seperti ayat **زيدا رأيت**.

Dalam kamus ini, nazara membawa maksud deria mata, melihat dengan mata, membuat sesuatu dengan menggunakan mata, pemerhatian atau penyaksian, pertemuan atau perjumpaan, sesuatu yang berhadapan atau bersemuka. Jika perkataan nazara digunakan bersama kata preposisi ila akan membawa maksud melihat dengan menggunakan mata. Makna ini dapat dibuktikan melalui hadis Rasul SAW: **عبادة علي وجه إلى النظر**.

Sementara perkataan syahada yang bermaksud saksi, iaitu seseorang yang mengetahui sesuatu perkara dan menjadi saksi untuk perkara tersebut. Perbuatan ini menuntut penggunaan pancaindera mata untuk kesahihan penyaksian. Selain itu syahada juga membawa maksud meminta seseorang untuk menjadi saksi, hadir untuk menjadi saksi, penerangan, penjelasan dan juga sumpah. Jika diperhatikan secara mata kasar, maksud yang diperoleh daripada perkataan syahada tidak menggunakan perkataan 'mata' atau 'penglihatan' secara terus. Tetapi jika diteliti, kesemua perbuatan dalam makna syahada itu menuntut penggunaan deria penglihatan dan pancaindera mata secara tidak langsung. Ini dapat dibuktikan melalui contoh berikut: **يغيب لا الذي الشهيد الحاضر والشهيد شيء علمه عن**.

Untuk perkataan lahaza pula, makna yang didapati ialah memerhati dengan hujung mata, memerhati dengan hujung mata yang berdekatan dengan pelipis dan memandang sekilas pandang dengan menjeling seperti contoh berikut: **كأن حتى لحظناهم**. Daripada analisa di atas, dapat disimpulkan bahawa kesemuanya makna merujuk kepada deria penglihatan iaitu mata.

Jadual 3 menunjukkan persamaan makna perkataan basara dan sinonimnya iaitu raa dan nazara. Ketiga-tiga perkataan ini menggunakan deria penglihatan secara mata hati. Perkataan basara merujuk kepada hati dan melihat dengan teliti seperti

contoh yang berikut: شديد بتحديق أي بصيرا لمحا أراه dan perkataan raa pula membawa maksud melihat menggunakan mata hati atau memandang menggunakan mata hati dan ini memerlukan dua objek seperti contoh حالما زيدا رأيت. Sementara itu perkataan syahada yang bermaksud saksi pula bererti mengetahui sesuatu dan menerangkan perkara yang diketahui seperti contoh علمه ما يبين الذي العالم الشاهد. Untuk perkataan nazara membawa maksud melihat dengan mata hati dan berfikir tentang sesuatu. Jika perkataan nazara digunakan bersama kata preposisi fi akan membawa maksud berfikir tentang sesuatu dan meneliti menggunakan hati yang digunakan dalam contoh berikut: الأمر في نظرت.

**Jadual 3.** Makna basara dan sinonimnya secara tersirat

| Perkataan/<br>Makna                  | <i>basara</i>                    | <i>raa</i>                                                   | <i>nazara</i>                                                                                  | <i>syahada</i>                                                                                                    | <i>lahaza</i> |
|--------------------------------------|----------------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| Makna<br>teras<br>secara<br>tersirat | 1. hati                          | 1. melihat<br>dengan mata<br>hati<br>(mengetahui<br>sesuatu) | 1. melihat<br>dengan mata<br>hati                                                              | 1. saksi<br>(seseorang<br>yang<br>mengetahui<br>menjadi<br>saksi<br>tentang<br>perkara yang<br>diketahui)         | -             |
|                                      | 2.<br>melihat<br>dan<br>meneliti | 2.<br>memandang<br>menggunakan<br>mata hati                  | 2. berfikir<br>tentang<br>sesuatu                                                              | 2. yang<br>maha<br>mengetahui<br>segala<br>sesuatu (jika<br>disandarkan<br>kepada<br>perkara yang<br>tersembunyi) |               |
|                                      |                                  |                                                              | 3. <i>nazara + fi</i><br>berfikir<br>tentang<br>sesuatu dan<br>meneliti<br>menggunakan<br>hati | 3. sumpah                                                                                                         |               |

Berdasarkan Jadual 4, terdapat persamaan makna antara perkataan basara dan sinonimnya iaitu raa, nazara, syahada dan lahaza dari aspek sesuatu benda atau perkara yang menarik pandangan mata. Kesemua perkataan mempunyai makna yang berbeza-beza. Perkataan basara merujuk kepada memberi perhatian, darah, darah anak dara, ketebalan, batu yang berwarna merah, bumi yang berwarna merah, perisai dan baju besi, sementara perkataan raa pula membawa maksud pemandangan yang cantik, pemandangan samada cantik atau tidak, sedikit darah, baki darah haid wanita,

sesuatu yang dilihat dan pakaian kebanggaan. Untuk perkataan syahada pula mempunyai maksud madu dan darah haid. Perkataan nazara membawa maksud memandang sesuatu dengan kadar yang cepat, pemandangan yang menakjubkan, sesuatu yang menakjubkan penglihatan. Untuk perkataan lahaza pula mengandungi maksud tanda hitam di bawah mata dan jelingan yang tajam.

**Jadual 4.** Makna basara dan sinonimnya secara perkara yang menarik pandangan mata

| <b>Perkataan/<br/>Makna</b>               | <b><i>basara</i></b>        | <b><i>raa</i></b>                        | <b><i>nazara</i></b>                                   | <b><i>syahada</i></b> | <b><i>lahaza</i></b>   |
|-------------------------------------------|-----------------------------|------------------------------------------|--------------------------------------------------------|-----------------------|------------------------|
| Makna perkara yang menarik pandangan mata | 1. memberi perhatian        | 1. pemandangan yang cantik               | 1. memandang sesuatu dengan kadar yang cepat/ jelingan | 1. madu               | 1. tanda di bawah mata |
|                                           | 2. darah                    | 2. pemandangan, samada cantik atau tidak | 2. pemandangan yang menakjubkan                        | 2. darah haid         | 2. jelingan yang tajam |
|                                           | 3. darah anak dara          | 3. sedikit darah                         | 3. sesuatu yang menakjubkan penglihatan                |                       |                        |
|                                           | 4. kawasan berbatu-batu     | 4. baki darah haid wanita                |                                                        |                       |                        |
|                                           | 5. batu yang berwarna merah | 5. sesuatu yang dilihat                  |                                                        |                       |                        |
|                                           | 6. bumi yang berwarna merah | 6. pakaian kebanggaan                    |                                                        |                       |                        |
|                                           | 7. perisai                  |                                          |                                                        |                       |                        |
|                                           | 8. baju besi                |                                          |                                                        |                       |                        |

Daripada makna-makna yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan bahawa perkataan basara dan sinonimnya iaitu raa, syahada, nazara dan lahaza mempunyai makna yang berkait rapat antara satu sama lain. Kesemua perkataan ini mempunyai makna yang sama daripada suatu aspek dan mempunyai perbezaan makna daripada satu aspek yang lain.



Secara keseluruhannya, perkataan basara serta sinonimnya yang terdiri daripada raa, syahada, nazara, syahada dan lahaza mempunyai persamaan dan perbezaannya seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 5.** Persamaan dan perbezaan makna basara dan sinonimnya

| No. | Senarai makna                                             | <i>basara</i> | <i>raa</i> | <i>nazara</i> | <i>syahada</i> | <i>lahaza</i> |
|-----|-----------------------------------------------------------|---------------|------------|---------------|----------------|---------------|
| 1   | Nampak apabila memandang                                  | ✓             | ✓          | ✓             | ✓              | ✓             |
| 2   | Menggunakan mata untuk mengetahui, memandang, menengok    | ✓             | ✓          | ✓             | ✓              | ✓             |
| 3   | Menilik, meramalkan                                       | ✓             | ✓          | ✓             | ✓              | ✓             |
| 4   | Kebolehan untuk melihat                                   | ✓             | ✓          | ✓             | ✓              | ✓             |
| 5   | Pancaindera untuk melihat                                 | ✓             | ✓          | ✓             | ✓              | ✓             |
| 6   | Melihat dengan mata hati                                  | ✓             | ✓          | ✓             |                |               |
| 7   | Mengetahui sesuatu dan menerangkan perkara yang diketahui | ✓             | ✓          | ✓             |                |               |
| 8   | Berfikir tentang sesuatu                                  |               |            |               | ✓              |               |
| 9   | Memberi perhatian                                         |               |            | ✓             |                |               |
| 10  | Darah                                                     | ✓             | ✓          |               | ✓              |               |
| 11  | Batu / Bumi yang berwarna merah                           | ✓             |            |               |                |               |
| 12  | Fizikal bumi yang berbatu batu                            | ✓             |            |               |                |               |
| 13  | Pemandangan yang cantik / tidak                           |               | ✓          | ✓             |                |               |
| 14  | Pemandangan yang menakjubkan                              |               |            | ✓             |                |               |
| 15  | Perisai                                                   | ✓             |            |               |                |               |
| 16  | Baju besi                                                 | ✓             |            |               |                |               |
| 17  | Pakaian kebanggaan                                        |               | ✓          |               |                |               |
| 18  | Menanam sesuatu                                           |               |            |               | ✓              |               |
| 19  | Jelingan                                                  |               |            | ✓             |                | ✓             |
| 20  | Sesuatu untuk dilihat                                     |               | ✓          |               |                |               |
| 21  | Madu                                                      |               |            |               | ✓              |               |

Jadual 5 menunjukkan dua puluh satu makna yang dapat dikumpulkan berdasarkan makna-makna yang telah disebut sebelum ini untuk perkataan basara dan sinonimnya iaitu *raa*, *syahada*, *nazara*, *syahada* dan *lahaza*. Lima makna teratas menunjukkan persamaan di antara basara dan sinonimnya, iaitu makna nampak apabila memandang, menggunakan mata untuk mengetahui, menilik, kebolehan untuk melihat dan pancaindera untuk melihat. Kesemua makna ini merupakan makna pusat kepada kelima-lima perkataan tersebut. Sementara makna-makna yang lain merupakan makna sampingan yang dapat membezakan setiap perkataan dengan perkataan yang lain melalui konteks ayat dan cara penggunaannya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan dapat disimpulkan bahawa perkataan basara dan sinonimnya iaitu *raa*, *syahada*, *nazara* dan *lahaza* mempunyai persamaan, di mana ia merujuk kepada anggota penglihatan iaitu mata manusia. Namun begitu ia berbeza dalam dua makna yang lain, iaitu penglihatan maknawi yang dapat diketahui secara mata hati dan makna untuk sesuatu yang menarik perhatian.

Untuk makna penglihatan secara maknawi melalui mata hati, hanya perkataan basara dan sinonimnya iaitu *raa*, dan *nazara* menggunakan makna ini berbanding dengan dua perkataan lain, iaitu *syahada* dan *lahaza*. Jika diperhatikan antara perkataan basara dan sinonimnya, dapat dilihat bahawa perkataan *raa* ialah kata kerja transitif yang memerlukan objek atau penyambut. Perkataan *raa* jika bersambung dengan satu objek akan membawa makna secara tersurat, iaitu penglihatan menggunakan mata. Jika perkataan *raa* bersambung dengan lebih daripada satu objek akan membawa makna secara tersirat, iaitu melihat menggunakan mata hati.

Sementara itu, bagi makna perkara yang menarik pandangan mata setiap perkataan mempunyai maksud yang tersendiri. Walaupun terdapat beberapa persamaan makna antara perkataan basara dan sinonimnya iaitu *raa*, *syahada*, *nazara* dan *lahaza* namun ia juga mempunyai perbezaan yang nyata dari aspek bilangannya.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membuktikan basara dan sinonimnya iaitu *raa*, *syahada*, *nazara* dan *lahaza* mempunyai persamaan daripada segi makna walaupun bentuk perkataan yang berbeza. Ini adalah kerana perkataan-perkataan tersebut mempunyai makna pusat yang dinamakan fokus. Walaubagaimanapun, setiap perkataan tersebut berbeza antara satu sama lain kerana ia mempunyai makna sampingan yang dapat diketahui melalui konteks ayat yang dibina.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Hazleena Baharun, pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia yang membantu secara teknikal dalam menyiapkan artikel ini. Kajian ini dibiayai oleh geran yang bertajuk A New Multi

Relational Latent Semantic Analysis Model for Extracting Prophetic Hadith Concept, kod penyelidikan: USIM/FRGS/FPBU/32/51314 dan A New Model to Understand the Content of Quran Using a Combination of Semantic Analysis and Socio-Linguistic Approaches for Diverse Group of People, kod penyelidikan: USIM/TRGS02\_PROJEK2/ISI/59/50516.

### **SUMBANGAN PENULIS**

Semua penulis menyumbang secara saksama dalam pembentukan konsep, penulisan, dan kelulusan akhir manuskrip ini.

### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Para penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

### **KENYATAAN ETIKA**

Semakan dan kelulusan etika telah dikecualikan bagi kajian ini.

### **RUJUKAN**

- Abdul Salim Mukrim. (1999). *Taraduf fi haql Qurani*. Kaherah: Muassasah al-Risalah.
- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik am*. Selangor: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa Aspek Keunikan dan Keistimewaan Bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42(E), 61–75.
- Berger, J. (n.d.). *Ways of seeing*. United Kingdom: British Broadcasting Corporation and Penguin Books.
- Clark, J. H., & Hannon, C. J. (2007). A classifier system for author recognition using synonym-based features. *Lecture Notes in Computer Science*, 4827, 839–849. [https://doi.org/10.1007/978-3-540-76631-5\\_80](https://doi.org/10.1007/978-3-540-76631-5_80)
- Faridah Nazir, & Faiziah Shamsudin. (2014). *Semantik dan peristilahan Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Geeraerts, D. (2009). *Theories of Lexical Semantics* (Issue October). Oxford University Press. <https://doi.org/https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780198700302.001.0001>
- Gliozzo, Alfio; Stapparava, C. (2009). *Semantic domains in computational linguistics*. Berlin, Heidelberg: Springer Science & Business Media. <https://doi.org/10.1007/978-3-540-68158-8>
- Ibn Manzur Jamaluddin Muhammad bin Mukram. (1990). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sader.
- Azhar Muhammad. (2005). Beberapa aspek keunikan dan keistimewaan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. *Jurnal Teknologi*, 42(E), 61–75.

Geeraerts, D. (2009). *Theories of lexical semantics*. Oxford University Press.  
<https://doi.org/https://doi.org/10.1093/acprof:oso/9780198700302.001.0001>

Inkpen, D., & Hirst, G. (2006). Building and using a lexical knowledge base of near-synonym differences. *Computational Linguistics*, 32(2), 223–262.  
<https://doi.org/10.1162/coli.2006.32.2.223>

Jamil Qasim Hameed. (2013). Evaluation of the semantic field theory and componential analysis as theoretical approaches of potential value to vocabulary acquisition: With

- special reference to the learner's Collocational Competence. *Journal of the College of Arts*, (64), 1–27.
- Kadar M. Yusuf. (2013). Indera manusia menurut al-Quran dan psikologi konvensional: Suatu kajian perbandingan. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 55–69.
- Karim Nazari Bagha. (2011). A short introduction to semantics. *Journal of Language Teaching & Research*, 2(6), 1411–1419. <https://doi.org/10.4304/jltr.2.6.1411-1419>
- Muhammad Marwan Ismail, & Wan Moharani Mohammad. (2009). *Kajian semantik dan mu'jam Arabiy*. Nilai: Penerbit USIM.
- Muller, P., Hathout, N., & Gaume, B. (2006). *Synonym extraction using a semantic distance on a dictionary*. Proceedings of the First Workshop on Graph Based Methods for Natural Language Processing, (June), 65–72. <https://doi.org/10.3115/1654758.1654773>
- Noor Eliza Abdul Rahman, & Mohd Shahrizal Nasir. (2014). Faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dan Arab : Satu analisis perbandingan. *Jurnal Melayu*, 12(1), 51–69.
- Nurulhayati Zulfadinamis, & Che Ibrahim Salleh. (2015). Konsep sinonim dalam teks terjemahan novel " The Pearl " ke dalam bahasa melayu oleh Abdullah Hussain ( The concept of equivalence in the translation of the pearl). *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 80–95.
- Rusmadi Baharudin, Nor Hashimah Jalaluddin, & Imran Ho-Abdullah. (2013). Sumbangan framenet kepada leksikografi korpus : Kajian kes penyelidikan makna kata kerja 'melihat'. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 61–81.
- Shah, M. (2008). The Arabic language. In *The Islamic World* (pp. 261–277). London: Routledge. <https://doi.org/10.2307/417554>
- Sidang Editor. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vinet, L., & Zhedanov, A. (2010). A "missing" family of classical orthogonal polynomials. *International Multiconference in Computer Science and Information Technology*, 331–338. <https://doi.org/10.1088/1751-8113/44/8/085201>
- Zulkifley Hamid. (2015). Semantik. In *Linguistik Melayu* (95–105). Selangor: Penerbit UKM.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, & Rahim Aman. (2015). *Linguistik Melayu*. Selangor: Penerbit UKM.